

31 DEC 2001

Sun-Piket

KAKITANGAN AKHBAR THE SUN BERPIKET TUNTUT BONUS

PETALING JAYA, 31 Dis (Bernama) -- Kira-kira 50 kakitangan akhbar The Sun berpiket di hadapan pejabat akhbar itu di Seksyen 51 di sini, hari ini kerana menuntut bonus yang dijanjikan oleh majikan di samping membantah tindakan pengurusan menggantung perkhidmatan seorang wartawan dan seorang jurugambar.

Presiden Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) cawangan The Sun, K. Kanan, berkata piket selama sejam itu mulai 5 petang diadakan kerana pihak lembaga pengarah akhbar gagal membayar bonus seperti yang dipersetujui dalam perjanjian bersama.

Selain itu, katanya mereka membantah tindakan pihak pengurusan yang menggantung perkhidmatan wartawan R. Manirajan dan jurugambar Anita Md Nasir ekoran laporan muka depan akhbar itu pada 25 Dis lepas mengenai kononnya ada komplot untuk membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Badawi.

Kanan berkata mengikut perjanjian bersama yang ditandatangani antara majikan dan kesatuan, pihak pengurusan syarikat berjanji membayar bonus dua bulan kepada pekerja dengan pembayaran pertama akan dilakukan selewat-lewatnya akhir bulan ini dan bakinya dijelaskan dalam tiga kali bayaran mulai Februari tahun depan.

Bagaimanapun, sehingga kini, pihak syarikat masih belum membayar bonus yang dijanjikan itu, katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung NUJ, Hong Boon How, pula menganggap tindakan terhadap wartawan serta jurugambar itu sebagai tidak adil.

Beliau berkata ini kerana kedua-dua wartawan dan jurugambar itu bertindak atas arahan sidang pengarang dan sudah sepatutnya sidang pengarang yang bertanggungjawab terhadap berita itu.

"Jika perkara ini berterusan, semua wartawan akan rasa takut untuk menulis berita lagi dan oleh itu saya rasa tindakan pengantungan kerja ke atas mereka patut dibatalkan serta merta," katanya.

--BERNAMA

NSM AKT NAK